

22/06/1999

PPP nafi 5,000 keluar parti

IPOH, Isnin - Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) hari ini menafikan dakwaan bekas Pengerusi PPP Selangor, Alex Thiagarajan, kononnya 5,000 ahli berpakat meninggalkan parti itu selepas tidak lagi percaya kepada Presidennya, Datuk M Kayveas.

Ketua Pemuda PPP, T Murugiah, berkata taktik kotor Thiagarajan hanya bertujuan mengumpul ahli parti bagi bertanding atas tiket parti baru, KeADILan dalam pilihan raya umum akan datang.

"PPP anggap Thiagarajan sebagai `musuh dalam selimut' dengan menyebarkan fitnah kononnya Kayveas bukanlah pemimpin yang baik malah takut berhadapan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan isu pengagihan kerusi.

"Belum sempat Lembaga Disiplin parti mengambil tindakan terhadap Thiagarajan, Alex, beliau sudah meletakkan jawatan bersama 16 ahli yang lain," katanya di sini, hari ini.

Murugiah berkata, tindakan Thiagarajan menghebahkan kononnya seramai 5,000 ahli parti akan meninggalkan PPP hanyalah bertujuan memburukkan imej parti di mata masyarakat.

Menurutnya, pertemuan yang diatur oleh Thiagarajan di sebuah dewan awam di Shah Alam, semalam bagi mengatur strategi kumpulan serpihan parti berkenaan juga dianggap gagal.

"Saya yang mengintip pertemuan itu mendapati hanya 150 orang hadir kebanyakannya pekerja kilang dan pelajar.

"Saya mendapat maklumat kumpulan pekerja itu dibayar sebagai helah kononnya majlis itu mendapat sambutan," katanya.

Murugiah berkata, PPP tidak menghadapi masalah kepemimpinan malah memberi kepercayaan penuh kepada Kayveas bagi menerajui parti terutama dalam membuat persiapan pilihanraya umum akan datang.

Menurutnya, mesyuarat jawatankuasa tertinggi parti Sabtu lalu sepakat mengumpul sekurang-kurangnya 100 ahli di setiap kawasan yang dipertandingkan bagi membantu calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum akan datang.

"Isu kerusi yang diperuntukkan kepada PPP tidak timbul sebaliknya apa yang penting kita memberi sokongan kepada siapa sahaja yang bertanding atas tiket BN," katanya.

(END)